

Headline	Tangani penagih sebagai penyakit		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Jul 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	23	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	337 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,722
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,166



# Kurangkan pendekatan kekerasan, tumpukan program merawat Tangani penagih sebagai penyakit

Oleh (AMIL MASLIH

**KUALA LUMPUR** 30 Jun - Malaysia berada di landasan untuk menangani masalah penagihan dadah sebagai penyakit dan bukannya jenayah.

Menyuarat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, **Jancy Shukri** berkata, pelbagai polis kerajaan diperkenalkan untuk menangani masalah itu secara lebih berkesan.

"Antara inisiatif itu ialah dengan membuka Klinik Cure & Care (C&C) sejaktiga tahun lalu untuk merawat penagih dadah sebagai pesakit berbanding memenjarakan mereka kerana tu dianggap penjenayah.

"Phak polis juga diminta mengurangkan pendekatan secara kekerasan dan kerajaan menumpukan program kesihatan untuk merawat dan memulihkan penagih dadah," katanya.

Bdiau berkata demikian kepada pemerita selepas menyertai Forum Polis Dadah dan Kesihatan Awam anjuran Persatuan AIDS Antarabangsa (IAS), di sini hari ini.

Antara ahli panel forum itu ialah Wakil Khas Setiausaha Agung Per-

tubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai HIV/AIDS di Eropah Timur dan Asia Barat, Michel Kazatchkine dan Timbalan Pengarah

Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Polis Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Jamaludin Kudin.

Selain itu, turut serta sebagai ahli

forum ialah aktivis masyarakat, Azahari Said; Ketua Penolong Pengarah (Perubatan) Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Dr. Sangeeth

Kaur; Pusat Kecemerlangan Kajian Aids (Ceria), Prof. Dr. Adeeba Kamarulzaman dan bekas Presiden Majlis Peguam, Ragunan Kesavan.

Menurut Nancy, mesyuarat juga akan diadakan pada Julai ini untuk beberapa pindaan undang-undang berkaitan penagihan dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk penambahbaikan.

"Sebagaimana yang dinyatakan oleh beberapa ahli panel forum ini, kerajaan menggariskan banyak polisi berkesan termasuk program penukaran jarum untuk menangani masalah penagihan dadah, cuma masyarakat umum belum menyedarinya sepenuhnya," katanya.

Sementara itu, menurut **Kazatchkine**, polisi untuk tidak menganggap penagihan dadah sebagai jenayah yang dilaksanakan di Portugal, Republik Chech dan Belanda telah nampakkan kesannya untuk mengurangkan kadar jenayah jalanan.

"Kita perlu menganggap dadah sebagai masalah kesihatan kerana tidak mahu penagih ini memperolehi dadah di jalanan hingga mendapat pelbagai penyakit seperti HIV, Tibi dan Hepatitis C," katanya.

Headline	Tangani penagih sebagai penyaltit		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Jul 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	23	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	337 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,722
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,166



**NANCY Shukri (dua dari kiri) beramah mesra dengan Michel Kazatchkine (tengah) sambil diperhatikan Jamaludin Kudin (dua dari kanan) dalam Forum Polisi Dadah dan Kesihatan Awam anjuran Persatuan AIDS Antarabangsa di Kuala Lumpur, semalam.**